Proses Dasar Monetari di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009

Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) yang mula berkuat kuasa pada 25 November 2009, secara rasminya telah menginstitusikan prosedur untuk merumuskan dasar monetari yang telah dilaksanakan sejak awal dekad ini.

Akta ini memperuntukkan bahawa dasar monetari hendaklah dirumuskan dan dilaksanakan secara autonomi oleh Bank Negara Malaysia. Objektif dasar monetari juga dinyatakan dengan lebih jelas iaitu, ``Dalam menggalakkan kestabilan monetari, Bank hendaklah membentuk dan menjalankan suatu dasar monetari yang memenuhi kepentingan negara dengan matlamat utama untuk mengekalkan kestabilan harga dengan mengambil kira perkembangan dalam ekonomi.´´[1]

Akta ini secara rasmi dan dari segi perundangan memperakui bahawa Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) ialah pihak yang bertanggungjawab untuk merumuskan dasar monetari dan mengendalikan operasi dasar monetari. MPC mengandungi 7 hingga 11 anggota, dengan Gabenor sebagai Pengerusinya. Gabenor dan Timbalan-Timbalan Gabenor akan kekal sebagai anggota MPC selagi mereka masih memegang jawatan masing-masing. Selain Gabenor dan Timbalan-Timbalan Gabenor, anggota lain Jawatankuasa ini dilantik oleh Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia daripada kalangan pegawai kanan Bank yang mempunyai kepakaran yang berkaitan atas cadangan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga. Anggota-anggota Jawatankuasa dari luar Bank boleh dilantik oleh Menteri Kewangan atas cadangan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga. Tempoh keanggotaan dalam Jawatankuasa ini ialah selama tiga tahun dan kelayakan untuk pelantikan semula tertakluk kepada penilaian prestasi anggota oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga. Akta ini juga memastikan pelantikan anggota dalam MPC adalah berlandaskan kriteria yang berhemat. Anggota MPC perlulah seorang yang jujur, berwibawa dan mempunyai pertimbangan yang baik, di samping mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan. Tadbir urus mesyuarat MPC dan kebertanggungjawaban anggotanya adalah berdasarkan kepada Undang-undang kecil MPC yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Bank. Anggota-anggota MPC pada masa ini ialah:

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	(Gabenor)
Dato' Ooi Sang Kuang	(Timbalan Gabenor)
Dato' Zamani bin Abdul Ghani	(Timbalan Gabenor)
Dato' Mohd Razif bin Abd. Kadir	(Timbalan Gabenor)
Dato' Muhammad bin Ibrahim	(Penolong Gabenor)
Puan Nor Shamsiah binti Mohd Yunus	(Penolong Gabenor)
Dr. Sukhdave Singh	(Penolong Gabenor)
Puan Norzila Abdul Aziz	(Penolong Gabenor)

MPC dikehendaki mengadakan mesyuarat seperti yang dijadualkan sebanyak enam kali setiap tahun. Mesyuarat tambahan akan diadakan sekiranya perlu.[2] Dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari, anggota-anggotanya akan membuat penilaian mengenai keadaan ekonomi dan kewangan, serta risiko-risiko kepada matlamat jangka panjang untuk mencapai kestabilan harga dan kemapanan pertumbuhan ekonomi negara, sebelum membincangkan dengan terperinci dan membuat keputusan berhubung dengan pendirian dasar monetari yang sewajarnya. Dalam membuat keputusan, Jawatankuasa ini menerima pakai kaedah persepakatan bersama. Oleh yang demikian, Gabenor, sebagai Pengerusi, memainkan peranan penting dalam mengendalikan mesyuarat dan perbincangan, serta mencapai sepersetujuan pendapat anggota-anggota

[1] Seksyen 22 (1) Akta Bank Negara Malaysia 2009.
[2] Jadual bagi enam mesyuarat yang akan datang disiarkan bersama-sama dengan Pernyataan Dasar Monetari yang terakhir pada tahun terdahulu.

Jawatankuasa. Pernyataan Dasar Monetari[3] akan disiarkan setiap kali selepas mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari untuk mengumumkan dasar monetari yang dirumuskan. Pernyataan Dasar Monetari juga memberi maklumat kepada orang ramai mengenai penilaian prospek ekonomi dan inflasi, serta isu-isu lain yang berkaitan dengan keputusan dasar yang dibuat oleh Jawatankuasa Dasar Monetari.

[3] Pernyataan Dasar Monetari boleh didapati di laman sesawang Bank Negara Malaysia di www.bnm.gov.my